



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**



EMBARGO: Tidak dibenarkan untuk diterbitkan atau disiarkan sebelum 11.30 pagi pada hari Rabu, 06 Mac 2024.

**SIARAN MEDIA
PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA 2023**

**PASARAN HARTA TANAH MEMECAH REKOD NILAI TRANSAKSI BAHARU PADA TAHUN
2023**

KAJANG, 6 Mac 2024 – Laporan Pasaran Harta 2023 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) menunjukkan perkembangan transaksi harta tanah Malaysia pada tahun 2023, di mana nilai transaksi sebanyak RM196.83 bilion mencatat peningkatan 9.9% daripada rekod tertinggi yang dicapai pada tahun 2022.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, telah menyempurnakan Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2023 di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Selangor hari ini.

“Prestasi pasaran harta memberangsangkan dengan nilai transaksi tahun 2023 mencapai rekod RM197 bilion iaitu peningkatan 9.9% daripada tahun 2022. Momentum pasaran harta akan terus disokong melalui langkah Belanjawan 2024 berkaitan rumah mampu milik dan pembiayaan rumah pertama ke arah menjana prestasi ekonomi yang lebih kukuh untuk tahun 2024,” mengulas YB Menteri Kewangan II berhubung Laporan Pasaran Harta 2023.

Antara intipati lain daripada laporan tersebut adalah:

- Bilangan transaksi harta tanah juga mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.5% kepada 399,008 pada tahun 2023, berbanding 389,107 tahun lalu.
- **Trend pertumbuhan positif** ini didorong oleh **peningkatan lebih tinggi** nilai transaksi di semua subsektor iaitu kediaman (7.1%), komersial (17.5%), perindustrian (13.1%), pertanian (4.6%) dan tanah pembangunan dan lain-lain (13.8%) berbanding tahun 2022.

- **Prestasi yang lebih rancak** turut direkodkan bagi pelancaran baharu kediaman iaitu **meningkat** 4.4% kepada 56,526 unit (2022: 54,118 unit) dengan prestasi jualan yang **lebih baik** sebanyak 40.4% (2022: 36.0%).
- Kediaman siap dibina tidak terjual (overhang) **memperlihatkan momentum yang memberangsangkan** dengan bilangannya terus berkurang berbanding tahun 2022. Terdapat 25,816 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM17.68 bilion direkodkan pada 2023, menyusut 7.0% dan 4.0% dari segi bilangan dan nilai berbanding 2022 (27,746 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM18.41 bilion).
- Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) berada pada 216.5 mata (RM467,144 seunit) dalam 2023P dengan pertumbuhan tahunan sederhana 3.2%. Semua negeri utama mencatat pertumbuhan tahunan yang positif masing-masing didahului oleh Johor (6.2%), Pulau Pinang (3.8%), Selangor (2.9%) dan WP Kuala Lumpur (1.8%).
- Prestasi kompleks perniagaan menyaksikan pertumbuhan sederhana pada tahun 2023, apabila kadar penghunian meningkat sedikit kepada 77.4%. Ruang tersedia berkurangan kepada 4 juta m.p. manakala kadar ketersediaan menurun kepada 22.6%.

Pasaran Harta Tanah Dijangka Kekal Optimistik Dengan Berhati-Hati

Memandangkan ekonomi negara diunjurkan kekal dalam julat 4.0% hingga 5.0% pada 2024 yang disokong oleh prospek pertumbuhan domestik yang berdaya tahan, prestasi pasaran harta tanah dijangka kekal optimistik dengan berhati-hati. Dasar akomodatif, pelaksanaan semua langkah terancang yang digariskan dalam Belanjawan 2024 dan pelaksanaan strategi dan inisiatif yang betul di bawah RMK-12 dijangka memangkin pertumbuhan dalam sektor harta tanah.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah berkata Kerajaan akan menyokong usaha untuk mendorong sektor harta tanah Malaysia serta mensaksamakan kekayaan negara seperti diilhamkan dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Usaha-usaha Kerajaan untuk merancakkan sektor harta tanah, kata YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah, termasuk pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas dokumen pindah milik bagi pembelian rumah pertama sehingga RM500,000 yang berkuatkuasa sehingga Disember 2025 serta menambahbaik fleksibiliti syarat-syarat permohonan bagi program Malaysia My Second Home (MM2H).

Laporan Pasaran Harta dan semua penerbitan lain boleh dilayari melalui portal rasmi NAPIC di <https://napic2.jp-ph.gov.my>.

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Kementerian Kewangan Malaysia

06 Mac 2024